

03/03/1997

Mokhzani akan kuasai HPB

MOKHZANI Mahathir, pengerusi eksekutif dan ketua eksekutif Tongkah Holdings Bhd, akan membeli 22.275 juta saham atau 35.53 peratus kepentingan di dalam Hospital Pantai Bhd (HPB) daripada Berjaya Group Bhd pada harga RM13.75 sesaham membabitkan RM306.3 juta, demikian diumumkan kelmarin.

Di bawah tatacara pengambilalihan dan penggabungan syarikat di negara ini, Mokhzani yang kini memegang kira-kira 21 peratus kepentingan dalam HPB dan juga pengerusinya, diwajibkan membuat tawaran awam mandatori bagi baki saham HPB berdasarkan syarat yang tidak jauh bezanya dengan urusan niaga yang baru diselesaikan itu.

Menerusi urusan niaga terbaru ini, Mokhzani akan memegang kira-kira 56.53 peratus kepentingan dalam HPB, menjadikan beliau pemegang saham terbesar HPB. HPB, syarikat penjagaan kesihatan, disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 25 Julai, 1990.

Dalam kenyataannya, BGroup menyatakan harga jualan saham HPB pada RM13.75 sesaham mencatat premium 7.42 peratus berbanding harga pasaran RM12.80 sesaham dan premium sebanyak 2.61 peratus berbanding harga penutup saham berkenaan pada RM13.40 pada 27 Februari.

Berjaya Leisure Bhd, anak syarikat BGroup, akan menjual 19.983 juta saham biasa dalam HPB mewakili 31.87 peratus daripada modal terbitan dan membayar syarikat berkenaan kepada Mokhzani.

(END)